

KENAPA PINJAM?



Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit
Credit Counseling And Debt Management Agency

Pastikan hutang produktif, bukan penuhi nafsu, gaya hidup



Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

HENDAK meminjam atau tidak? Itulah persoalannya. Hari ini, dengan adanya pelbagai kemudahan pinjaman dan kad kredit yang ditawarkan oleh institusi kewangan, anda mungkin terpengaruh untuk berbelanja lebih daripada apa yang sepatutnya dengan meminjam.

Melalui pinjaman, anda boleh membeli rumah, membeli kereta, membayar bil malah boleh melancong.

Walaupun pinjaman adalah berguna, terutama apabila anda ingin membeli sesuatu yang memerlukan wang yang banyak, anda juga harus ingat bahawa pinjaman yang diambil itu bukannya percuma.

Sebaliknya pinjaman perlu dibayar balik dengan caj faedah atau bayaran penalti jika anda gagal atau lewat bayar.

Kredit dan hutang

KREDIT adalah kemudahan pinjaman dengan persetujuan untuk membayar balik mengikut syarat dan terma perjanjian pinjaman yang ditetapkan.

Apabila anda meminjam, anda diberi kemudahan kredit dan jika anda menggunakan kredit berkenaan,

maka anda dikatakan berhutang. Hutang adalah wang yang sudah dipinjam dan mesti dibayar semula.

Contoh 1

Anda diberi satu kad kredit sebanyak RM3,000. Jika anda sudah membelanjakan RM1,000 dengan kad kredit berkenaan, maka RM1,000 kredit yang digunakan itu akan menjadi hutang.

- **Sebelum:** RM3,000 kredit sedia ada
- **Selepas:** RM2,000 baki kemudahan kredit dan RM1,000 jumlah hutang

Kenapa meminjam?

APABILA anda ingin meminjam, anda perlu tahu apakah tujuan pinjaman itu. Ingat, anda sepatutnya meminjam untuk memenuhi keperluan dan bukannya kehendak anda.

Jika anda ingin mengambil pinjaman atau menggunakan kad kredit untuk membeli sesuatu, tanya diri anda soalan yang berikut terlebih dulu:

- Adakah barangan atau perkhidmatan yang saya ingin beli itu sesuatu keperluan ataupun kehendak?
- Adakah saya mampu membayar ansurannya?
- Jika barangan berkenaan adalah suatu pembelian besar, seperti membeli rumah atau kereta, bolehkah saya menyediakan wang pendahuluan yang lebih tinggi?

Memiliki pengetahuan asas mengenai peraturan meminjam boleh membantu anda dalam mengurus pinjaman anda dengan lebih baik. Pinjam hanya untuk tujuan produktif atau untuk sesuatu yang amat diperlukan apabila

anda tidak mempunyai wang tunai yang cukup.

Ini termasuk pembelian rumah, pembelian kereta, menghantar anak melanjutkan pelajaran atau menampung perbelanjaan pada waktu kecemasan.

Pinjam mengikut kemampuan. Sebaik-baiknya buatlah pinjaman yang membolehkan anda membayar balik dengan selesa. Adalah disarankan jumlah pembayaran bulanan semua hutang tidak melebihi 40 peratus pendapatan kasar anda.

Seorang pemegang mempunyai tanggungjawab moral untuk membayar balik pinjaman. Harus ingat, penilaian kredit anda akan terjejas jika anda tidak membayar balik mengikut terma pembayaran.

Berikut adalah beberapa contoh hutang produktif dan hutang tidak produktif:

Hutang produktif (membeli aset naik nilai)

- Meminjam wang pada kadar berpatutan untuk dilaburkan dalam aset berkualiti.
- Membayar balik pinjaman perumahan dengan teratur.

Hutang tidak produktif (membiayai gaya hidup)

- Mengambil pinjaman baru untuk menebus pinjaman lama tanpa penjimatan kos.
- Mengambil pinjaman peribadi pada kadar faedah tinggi untuk membiayai percutian atau kos gaya hidup lain.

Seperti yang dijelaskan di atas, pinjaman untuk tujuan yang munasabah boleh membantu meningkatkan nilai harta bersih anda. Selepas mengetahui kenapa dan bila anda harus meminjam, seterusnya marilah kita lihat sumber pinjaman yang ditawarkan.

ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolum Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat bminggu@bharian.com.my untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolum Bajet Bijak.

Info

